

SOALAN NO: 449

Daripada bulan Januari sehingga September 2017, SKMM melalui Bahagian Advokasi dan Jangkauan serta Pejabat-pejabat Wilayah dan Negeri telah mengadakan sebanyak **343** program-program kesedaran kepada masyarakat umum di seluruh negara dengan anggaran capaian seramai **923,378** audiens/individu.

Antara kandungan mesej-mesej utama advokasi yang disampaikan melalui program jangkauan ini ialah:

- i. isu perkongsian maklumat dan penyebaran maklumat palsu;
- ii. peranan ibubapa dalam melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian;
- iii. pengaruh '*Extremism*' & '*Radicalization*' di kalangan masyarakat;
- iv. ketagihan internet di kalangan masyarakat; dan
- v. membudayakan penggunaan internet secara beretika dan positif melalui program "Klik Dengan Bijak".

Program-program ini dilaksanakan melalui **18** rakan strategik yang berkerjasama dalam melaksanakan program jangkauan yang terdiri daripada sektor Kerajaan, NGO, IPTA/S, UNICEF dan lain-lain. Ini termasuklah pengedaran secara berperingkat poster-poster mengenai etika penggunaan internet di kesemua masjid & surau di seluruh negara hasil kerjasama dengan JAKIM.